

CUEPACS mahu jumpa PM bincang naik gaji, pangkat

Kota Bharu: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) berharap dapat bertemu Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dalam masa terdekat untuk membincangkan lima tuntutan termasuk kenaikan gaji dan pemendekan kenaikan pangkat *time based* yang belum dilaksanakan walaupun sudah diumumkan kerajaan.

Presidennya, Adnan Mat, berkata surat mengadakan pertemuan itu sudah dihantar pada Mac lalu, namun hingga kini belum mendapat maklum balas.

“Lima tuntutan ini sudah diumumkan kerajaan, namun sehingga kini ia belum dapat dilaksanakan.

“CUEPACS memohon lima tuntutan itu dilaksanakan segera. Disebabkan itu kita mahu mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri bagi membincangkan perkara ini,” katanya pada sidang media selepas Majlis Penghargaan Kepada Barisan Hadapan Menangani Pandemik COVID-19 di Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Bharu di sini, semalam.